

Nando's hargai jasa PM

UM 31/10/2003 - 2 PRECISE

KUALA LUMPUR 30 Okt. - Setelah 22 tahun menabur bakti dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang cemerlang, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kini bersedia untuk menyerahkan kepemimpinan negara kepada penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.


Dan bagi menghargai kecemerlangan kepemimpinan Dr. Mahathir itu, restoran ayam panggang terkemuka, Nando's turut tidak mahu ketinggalan mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada pemimpin ulung itu.

Sempena persaraan itu, Nando's telah menyediakan satu kain sepanduk khusus untuk

Dr. Mahathir di cawangannya di Jalan Petaling.

Kain sepanduk itu dicipta dengan unik dengan menggunakan setiap huruf pada nama Perdana Menteri bagi menggambarkan sifat dan sikap dinamik Dr. Mahathir.

Nando's berharap sepanduk itu akan dapat menarik perhatian orang ramai dan sama-sama menghargai kepemimpinan Dr. Mahathir.



SEPANDUK bagi menghargai kepemimpinan Dr. Mahathir yang dapat dilihat di cawangan Nando's di Jalan Petaling, Kuala Lumpur.